

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIV)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

15. Bilakah projek pembinaan tapak kekal Pasar Mount Erskine akan dimulakan?
- (a) Berapa lamakah tempoh pembinaan projek tersebut?
 - (b) Adakah tapak untuk pasar yang baharu telah dikenal pasti?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

15. Projek pembinaan tapak kekal Pasar Mount Erskine, tidak dapat dilaksanakan memandangkan tanah sedia ada adalah tanah rizab jalan khusus bagi tujuan pelebaran jalan pada masa hadapan.
- (a) Pembinaan tapak kekal Pasar Mount Erskine tidak dapat dilaksanakan buat masa sekarang memandangkan ketiadaan tapak yang sesuai. Bagi memberikan kemudahan dan mengurangkan beban penduduk setempat, pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan terus menyelenggara bangunan Tapak Penjaja Sementara secara berjadual sebagai satu pendekatan untuk memastikan penduduk setempat memperolehi keperluan harian pasar dengan mudah.
 - (b) Bagi rancangan untuk membina Pasar Mount Erskine, pihak MBPP tidak mempunyai tanah atau tapak di sekitar

Mount Erskine bagi tujuan pembinaan pasar yang baharu. Namun begitu, penduduk setempat boleh memperolehi keperluan pasar di pasar-pasar berdekatan seperti Pasar Pulau Tikus dan Pasar Tanjong Bunga.